

27/06/2002

Jabatan kastam tukar logo

KUALA LUMPUR, Rabu - Jabatan Kastam dan Eksais Diraja yang menukar namanya secara rasmi kepada Jabatan Kastam Diraja Malaysia (KDRM) Januari lalu, turut menukar logonya selaras nama baru itu.

Pegawai Perhubungan Awamnya, Azis Yacub, berkata penukaran logonya kepada yang baru, adalah selaras dengan pengumuman yang dibuat Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pada 25 Januari lalu.

"Perisytiharan itu dibuat di Akademi Kastam Malaysia (Akmal) di Melaka dan Perdana Menteri kita yang mengumumkan pertukarannya sempena Hari Kastam Sedunia.

"Kita juga dalam proses melengkapkan semua anggota dengan pakaian seragam baru," katanya.

Beliau berkata, semua pegawai termasuk Ketua Pengarahnya, akan dilengkapi dengan pakaian seragam baru yang dijangka digunakan mulai Oktober depan.

"Kita juga sedang dalam perancangan untuk memberitahu pemilik syarikat mengenai beberapa perkhidmatan yang dikenakan cukai. Kita akan berbuat demikian melalui pengumuman yang disiarkan dalam media elektronik dan cetak," katanya.

Beliau berkata, syarikat yang menyediakan perkhidmatan seperti agensi pekerjaan, telekomunikasi, ruang letak kereta, perundingan, akauntan awam/perakaunan, peguam bela dan peguam cara, jurutera/kejuruteraan, arkitek, juru ukur berlesen/penilai/penaksir/ejen hartanah, pengurusan, klinik veterinar, perkhidmatan kereta sewa, pengiklanan, hotel, restoran, kelab malam/kabaret, dewan tari/disko, rumahurut/pusat kesihatan, rumah awam/rumah bir, kelab persendirian, padang dan lapangan golf, hospital persendirian, insurans, ejen penghantaran, kurier servis/kiriman cepat, pusat servis kenderaan dan perkhidmatan keselamatan adalah dikenakan cukai perkhidmatan.

Pemilik syarikat yang menjalankan perniagaan itu dikehendaki memohon lesen cukai pendapatan dan kegagalan berbuat demikian boleh dihukum penjara tidak melebihi dua belas bulan atau didenda tidak melebihi lima ribu ringgit atau kedua-duanya mengikut Akta Cukai Perkhidmatan 1975.

(END)